



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

MERENTAS INDUSTRI HERBA: MENYINGKAP DUNIA PEMROSESAN DAN PENYELIDIKAN HERBA DI SARAWAK

Penulis: Ts. Mohd Hafizz Wondi, Muhamad Nasarudin Sulaiman,
dan Danisha Qistina Syazwani Windra

Pada 15 hingga 16 Mei 2025, seramai 19 orang pelajar Diploma Teknologi Pengeluaran Herba (AT122) bersama dua pensyarah, telah menyertai lawatan akademik ke beberapa institusi utama di Sarawak yang berkaitan dengan industri pemprosesan dan penyelidikan herba iaitu Sarawak Biodiversity Centre (SBC), Lembaga Lada Malaysia (MPB), Chenson Health Products Sdn. Bhd., dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, UNIMAS. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar penanaman herba secara komersial serta menambah pengetahuan mereka mengenai teknologi pemprosesan herba moden.

Lawatan bermula di Sarawak Biodiversity Centre (SBC), di mana pelajar diperkenalkan kepada peranan SBC dalam pemeliharaan tumbuhan asli dan dokumentasi pengetahuan tradisional. Pelajar juga didedahkan kepada sistem *Access and Benefit Sharing (ABS)*, proses penyulingan metabolit sekunder, serta teknik penyediaan dan pendigitalan spesimen herbarium. Seterusnya, pelajar mengunjungi Lembaga Lada Malaysia (MPB) yang memberi pendedahan tentang penanaman, penuaian, dan pemprosesan lada hitam. Pelajar turut mempelajari kepelbagaian produk berasaskan lada termasuk lada putih, hijau, minyak lada, oleoresin, serta produk inovatif bukan makanan yang memanfaatkan hasil sampingan secara mampan.

Pada hari berikutnya, lawatan diteruskan ke Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, UNIMAS, di mana pelajar menyertai aktiviti pemindahan anak sawi ke dalam sistem hidroponik meja. Mereka juga melawat Muzium Zoologi dan Herbarium, yang menambah pengetahuan tentang taksonomi haiwan dan pemuliharaan biodiversiti tumbuhan. Akhir sekali, pelajar mengunjungi Chenson Health Products Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menghasilkan produk kesihatan berasaskan herba. Di sana mereka diberi penerangan mengenai keseluruhan proses penghasilan, kawalan kualiti, serta dibawa melawat taman herba yang menempatkan tumbuhan perubatan seperti misai kucing, mulberi dan Sacha Inchi.

Lawatan akademik ini telah memberi motivasi kepada pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik mereka serta menyemai minat menceburi penanaman herba setelah tamat pengajian kelak. Lawatan ini juga telah berjaya menghubungkan teori dengan amalan industri, menanam kesedaran terhadap alam sekitar, dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk menerapkan ilmu yang diperoleh dalam pembelajaran serta kerjaya masa hadapan.





Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9